

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD
[BUKIT GANTANG]**

TARIKH : 24.3.2015

SOALAN :

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan Kementerian Pendidikan telah menggalakkan guru-guru melanjutkan pelajaran sehingga ke peringkat PHD, adakah guru-guru yang memperoleh Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah mempunyai skim gaji yang istimewa untuk penyandangannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 40 Tahun 2013 mengenai penggabungan skim perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lيسان Diploma, Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan penetapan gaji permulaan PPP Gred DG41 berdasarkan kelayakan akademik sama ada Ijazah Sarjana atau Ijazah Doktor Falsafah bagi PPP lantikan baharu mulai 1 Januari 2014.

Bagi PPP dalam perkhidmatan yang memiliki ijazah sarjana, mereka diberikan pengiktirafan melalui markah yang lebih tinggi dalam penilaian Akademik dan Pengalaman di mana *Margin of Preference* (MOP) yang

lebih besar diberikan kepada pegawai yang memiliki kelayakan lebih tinggi, iaitu wajaran 8% bagi pemegang sarjana dan 10% bagi pemegang PhD, dalam urusan kenaikan pangkat PPP tanpa mengambil kira tempoh menamatkan pengajian.

RJM56